

Pervez dalam dilema

U.M 29/12/07 M/S 11

Oleh AZMI HASSAN



PRESIDEN Pervez Musharraf muncul di televisyen Pakistan, semalam.

Pakistan di bawah pemerintahan darurat, tetapi langkah ini sudah tentu akan mendapat tentangan dari Washington.

Kerana Washington sebelum ini telah berusaha keras untuk mengembalikan Benazir ke Pakistan. Pemimpin PPP itu dianggap sebagai pemangkin terbaik untuk Pakistan kembali ke arah pemerintahan demokrasi.

Apa pilihan yang ada pada Pervez untuk menentukan masa hadapan Pakistan

Pervez tidak berjaya mengawal keadaan.

Masa hadapan politik Pervez dan Benazir adalah saling bergantung di antara satu sama lain. Walaupun mereka adalah seteru dalam kancah politik Pakistan, tetapi mereka mempunyai mentor yang sama iaitu Washington.

Ketiadaan Benazir bukan sahaja menyusahkan Pervez dan Washington, malah Pakistan berada dalam ambang yang tidak menentu. Masa hadapan Pakistan kini bukan lagi banyak bergantung kepada Pervez atau Washington seperti sebelum ini, tetapi kepada Nawaz Sharif iaitu pemimpin parti pembangkang Parti Liga Muslim Pakistan (PML).

Jika sebelum ini PML menyarankan supaya pilihan raya Pakistan pada 8 Januari diboikot, ketiadaan Benazir sebagai tokoh pembangkang utama telah merubah segala-galanya kepada Nawaz. Jika pemimpin PML masih ingin bertegas dengan pendirian memboikot pilihan raya, maka sudah pasti Pakistan akan menjadi huru-hara dan semua pihak akan menanggung akibatnya.

Tetapi jika Nawaz ingin mengembalikan Pakistan ke arah pemerintahan demokrasi, maka kaedah terbaik adalah menyertai pilihan raya seperti yang dilakukan oleh Benazir sebelum ini.

Ada pihak yang membuat andaian bahawa Benazir tidak mahu memboikot pilihan raya kerana tidak mahu menongkah arus kehendak Washington. Tetapi ada juga yang menuduh Nawaz memboikot pilihan raya kerana peluang beliau menjadi Perdana Menteri adalah tipis kerana wujudnya faktor Benazir.

Namun sekarang segala-galanya telah berubah dan inilah masa terbaik bagi Nawaz mempamerkan kepintaran politik beliau untuk bekerjasama dengan PPP. Ini kerana parti yang diasaskan oleh bapa Benazir iaitu Zulfikar Ali Bhutto pada tahun 1968 dilihat sebagai parti yang mampu membela rakyat biasa Pakistan. Malah PPP adalah parti politik yang telah menumpaskan pemerintah diktator Pakistan yang pertama pada tahun 1969.

Kini Pervez dan Washington perlu merangka strategi untuk menentukan supaya PPP tidak berpecah akibat ketiadaan pemimpin. Jika PPP mengambil keputusan untuk bersama-sama dengan PML memboikot pilihan raya, maka sudah tentu keadaan ini akan memaksa Pervez kembali kepada pemerintahan darurat dan demokrasi di Pakistan yang menerima akibatnya.

RAMAI yang menuding jari ke arah Presiden Pakistan Pervez Musharraf untuk mencari pihak yang bertanggungjawab ke atas pembunuhan Benazir Bhutto. Pembunuhan yang berlaku di Rawalpindi adalah kubu kuat tentera Pakistan yang sedikit sebanyak masih di bawah telunjuk Pervez.

Dengan demikian untuk menuduh puak militan yang bertanggungjawab melaksanakan angkara ini agak sukar untuk diper tahankan. Mungkin Pervez tidak bertanggungjawab secara langsung tetapi ada golongan tertentu dalam tentera dan perisikan Pakistan yang mahu melihat Benazir dihapuskan.

Status quo yang menyaksikan Benazir sebagai pemimpin Parti Rakyat Pakistan (PPP) yang tidak memboikot pilihan raya pada 8 Januari akan datang adalah peluang terbaik bagi Pervez memberitahu masyarakat antarabangsa bahawa demokrasi telah kembali ke Pakistan.

Walaupun dinafikan oleh Pervez dan Benazir, kembalinya Benazir ke Pakistan pada bulan Oktober lepas sedikit sebanyak kerana wujudnya persefahaman kerjasama di antara mereka berdua.

Persefahaman yang dipelopori oleh Washington ini bukan sahaja memberi kelebihan kepada Pervez tetapi juga kepada Benazir yang membolehkan beliau dilantik semula ke jawatan Perdana Menteri jika berjaya meraih kerusi secukupnya

pada pilihan raya akan datang.

Ketiadaan Benazir telah membuatkan PPP berada dalam keadaan yang terumbang-ambing kerana tiadanya pemimpin pelapis yang mempunyai karisma seperti Benazir.

Kehilangan Benazir sebagai pemimpin parti pembangkang yang kuat bukan sahaja mengucar-ngacirkan PPP tetapi juga telah membuatkan keadaan Pakistan menjadi tidak menentu.

Pervez tidak banyak mempunyai pilihan untuk kekal sebagai Presiden kerana ketiadaan Benazir telah merosakkan segala strategi yang telah direncanakan.

Pervez boleh mengembalikan pemerintahan tentera dengan menggunakan alasan untuk mengekang militan yang telah berjaya menghuru-harakan Pakistan dengan pembunuhan Benazir.


Tidak sukar untuk beliau melakukannya kerana tentera di bawah pimpinan Ashfaq Parvez Kayani adalah sekutu kuat Pervez. Walaupun Pervez mempunyai alasan yang lebih kukuh kali ini untuk mengembalikan

Bukan itu sahaja, kehadiran Benazir juga adalah peluang terbaik Washington untuk mengekalkan Pervez sebagai Presiden Pakistan.

Memang benar pemerintahan tentera telah berjaya mengekalkan keamanan di Pakistan tetapi penggunaannya mempunyai jangka hayat yang begitu terhad. Satu dekad yang lepas kenyataan sebegini mungkin ada kebenarannya tetapi hari ini pemerintahan tentera di Pakistan lebih banyak mendatangkan mudarat dan huru-hara.

Pervez tidak mempunyai jalan lain selain daripada meneruskan pilihan raya seperti yang dirancangkan sebelum ini. Tetapi memandangkan keadaan yang tidak menentu di Pakistan, tarikh 8 Januari seperti yang direncanakan dilihat sebagai amat sukar untuk ditunaikan.

Pervez perlu menentukan keadaan menjadi terkawal kerana penyokong PPP sudah pasti akan menyalahkan beliau dengan apa yang telah berlaku. Tetapi apa yang lebih penting adalah puak militan sudah tentu akan meraih keuntungan jika



PASUKAN separuh tentera Pakistan mengawal rusuhan di sebuah jalan di Karachi berikutan pembunuhan Benazir Bhutto Khamis lalu.

- AFP

□ **PROF. MADYA SR. DR. AZMI HASSAN** ialah Pengarah Pusat Dasar Teknologi & Kajian Antarabangsa (CENTEPIS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM).